

08/01/2003

Liong Sik letak jawatan (HL)

Misiah Taib; Wan Hazmir Abu Bakar; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik semalam mengumumkan peletakan jawatannya daripada Kabinet, kali kedua dalam tempoh tiga tahun.

Surat peletakan jawatan yang tidak meletakkan tarikh berkuat kuasa itu, dihantarnya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 Ogos lalu.

Dr Ling memberitahu pemberita selepas mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, kedudukannya sebagai Presiden MCA pula akan dibincang dan ditentukan oleh barisan kepimpinan parti itu.

"Dr Mahathir ada memaklumkan menerima surat itu, tetapi belum membuat keputusan mengenainya. Ia terpulang kepada Perdana Menteri untuk memutuskan," katanya.

Pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN sebelum itu, Dr Mahathir tidak menyatakan apa-apa mengenai hasrat Presiden MCA itu untuk berundur.

Bagaimanapun, Berita Harian difahamkan Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN membuat pengumuman dalam mesyuarat itu mengenai hasrat Dr Ling untuk meletakkan jawatan sebagai anggota Kabinet.

"Dr Mahathir memberitahu mesyuarat itu bahawa Dr Ling sudah mengemukakan surat peletakan jawatan dari Kabinet. Pengerusi BN juga memberitahu bahawa Dr Ling dulu pun sudah meletak jawatan, tetapi MCA memujuknya supaya menarik balik hasrat itu.

"Rata-rata pemimpin BN nampak tidak terkejut sebaik Perdana Menteri membuat pengumuman itu. Ini kerana khabar angin mengenai hasrat Presiden MCA itu hendak meletak jawatan sudah lama," kata sumber-sumber Berita Harian.

Dr Ling pertama kali mengumumkan hasratnya untuk berundur daripada Kabinet pada 22 Mei 2000, tetapi beliau dinasihatkan oleh Perdana Menteri untuk menimbang balik keputusannya itu.

Selepas bercuti lama, pada 6 Jun 2000, Presiden MCA itu yang juga Ahli Parlimen Labis mengumumkan beliau sedia meneruskan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan yang disandanginya sejak 1986.

Dr Ling berkata, ketika menyerahkan surat itu, beliau memberitahu Perdana Menteri bahawa beliau sedia berundur selepas pembukaan rasmi Universiti Tuanku Abdul Rahman (Utar) pada 13 Ogos lalu.

"Ia waktu yang paling sesuai untuk bersara. Dengan pembukaan Utar, saya telah selesai menjalankan tugas saya bagi negara. Saya rasa saya tidak boleh berbuat banyak lagi.

"Saya rasa agenda saya sudah lengkap. Saya cuba bersara pada 2000 tetapi gagal," katanya sambil menambah, beliau tidak kesal dengan keputusannya itu serta bersiap sedia secara mental dalam mengharungi alam persaraan.

Ditanya pemberita sama ada keputusannya itu berikutan kes mahkamah yang membabitkan beliau, Dr Ling menafikannya dengan berkata: "Saya menjelaskan semua kes saya di mahkamah. Semua itu pembohongan."

Beliau berterima kasih kepada BN, Perdana Menteri, MCA dan rakyat yang menyokongnya selama ini dengan memberi peluang baginya untuk berkhidmat kepada negara.

Berhubung kenyataan Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Lim Ah Lek yang ingin mencabarnya selepas tamat penggal jawatan 2005, beliau berkata: "Tiada komen. Ia adalah hak demokratik untuk sesiapa saja mencabar Presiden dalam setiap pemilihan."

Mengenai rancangannya apabila bersara, beliau secara berseloroh berkata:

"Yang pasti ialah saya tidak akan kembali mengamalkan perubatan kerana saya telah lupa nama semua ubat."

Dr Ling, lulusan jurusan perubatan Universiti Singapura mula bergiat aktif dalam politik pada 1974 apabila beliau dipilih sebagai ahli Parlimen Mata Kuching, di Pulau Pinang.

Pada 1976, beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, dan lebih setahun selepas itu berpindah ke Kementerian Penerangan dan pada 1982 ke Kementerian Kewangan, kedua-duanya dalam jawatan yang sama.

Pada 28 Mac, 1984, beliau meletakkan jawatan sebagai Timbalan Menteri Kewangan ekoran pemecatannya daripada MCA selepas tercetus krisis dalam parti itu.

Beliau adalah antara 14 ahli MCA dalam kumpulan diketuai Tan Koon Swan.

Beliau diterima masuk semula ke dalam parti pada 18 Februari 1985 dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Pendidikan dan setahun kemudian dilantik sebagai Menteri Pengangkutan menggantikan Tan Sri Chong Hon Nyan yang bersara.